

PM: Pastikan projek dapat sambutan

UM 23 APR 2000

Oleh JOHARDY
IBRAHIM

KUALA LUMPUR 22 April — Pemaju-pemaju diwajibkan memastikan terlebih dahulu projek pembinaan mendapat sambutan sebelum kelulusan pelaksanaannya diberi oleh kerajaan, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Langkah tersebut, katanya, bagi memastikan 'kesilapan' industri pembinaan yang paling teruk terjejas semasa kegawatan ekonomi yang lalu, tidak akan berulang.

Bagaimanapun, ujar Dr. Mahathir, dalam kes tertentu seperti gedung membeli-belah di ibu negara, kerajaan tidak akan meluluskan lagi pembinaannya kerana sudah terlalu banyak.

Beliau berkata, kawalan boleh dilakukan di Kuala Lumpur tetapi pembinaan gedung membeli-belah beralih pula ke sempadan Wilayah Persekutuan seperti di Petaling Jaya kerana ia di bawah bidang kuasa kerajaan negeri.

"Jadi kita kena berhati-hati supaya tidak membazir sehingga menyebabkan pihak penyedia dalam kesusahannya kerana tiada penyewa atau pembeli," katanya.

Beliau berkata demikian selepas melaku-

kan acara pecah tanah projek pembinaan Apartmen Sri Rakyat di bandar Bukit Jalil di sini hari ini.

Perdana Menteri berkata, masih banyak masalah dalam industri pembinaan seperti masalah pinjaman setelah bangunan yang dibina tidak dapat dijual menyebabkan pemaju diisytihar muflis.

"Disebabkan kedudukan mereka yang rapuh, pemulihan sektor tersebut adalah lebih

sukar dan pemaju terpaksa bermula dari bawah semula," katanya.

Terdahulu dalam ucapannya, Dr. Mahathir berkata, industri pembinaan membangukan terlampau banyak projek tertentu semasa kegawatan lalu menyebabkan ia tidak boleh dijual atau gagal disempurnakan.

"Kita beruntung kerana kita berjaya memulihkan ekonomi dan kini melihat kemunculan semula industri

pembinaan.

"Kerajaan mengalukan pemulihan industri pembinaan kerana ia saling berkaitan dengan sektor-sektor pekerjaan lain untuk menjana ekonomi negara," katanya.

Perdana Menteri berkata, dapat dilihat bangunan yang terbenkakai dulu telah diteruskan semula dan terdapat juga projek-projek baru.

"Ia juga menandakan kembalinya keya-

kinan para pemaju terhadap prospek hartanah seperti rumah kedai atau kondominium dan ada orang akan membelinya," ujar beliau.

Dr. Mahathir berkata disebabkan kegawatan, kerajaan memperkenalkan kempen pemilikan rumah yang berjaya menjual sehingga RM800 juta nilai hartanah dan berharap tidak perlu lagi mengadakannya kerana pasaran hartanah kembali pulih.